

07/07/2000

Sheila bolosi `dewan larangan'

Izza Safinaz Ibrahim

SETIBANYA di ruang legar, kelihatan ramai hadirin berpakaian kemas dan cantik berbual. Persekitaran Dewan Filharmonik Petronas pula tersergam mewah, menyuntik suasana tersendiri.

Masing-masing dengan tujuan yang sama - menyaksikan persembahan Sheila Majid, artis tempatan pertama yang diberi peluang membuat persembahan solo di dewan berprestij itu yang selama ini dianggap oleh sesetengah pihak sebagai `dewan larangan'.

Kemunculan penghibur kontroversi itu nyata ditunggu-tunggu kerana tiket konsert malam pertamanya sudah habis dijual seawal Disember lalu manakala malam kedua pula, Mac tahun ini.

Berbanding konsert Sheila sebelumnya, suasana kali ini lebih teratur. Peminat yang datang kelihatan matang kerana rata-ratanya golongan korporat, elit dan profesional.

Turut berangkat menyaksikan Sheila pada malam pertama ialah Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Malam kedua pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, meluangkan waktu untuk berhibur.

Menilai persembahan Sheila pada malam kedua, penyanyi kecil molek itu nyata bersedia dengan kemunculannya.

Selepas pemuzik masuk dan memainkan sebuah lagu instrumental, orang yang dinantikan itu muncul dengan lagu Ada-ada Saja. Dia kelihatan begitu bertenaga dan penampilannya dengan rambut pendek, tampak sofistikated.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada penonton kerana sudi meluangkan masa untuk memenuhi ruang, Sheila menghiburkan penonton dengan lagu Beyond The Sea yang berentak jazz.

Seterusnya, Getaran Jiwa bergema dengan iringan muzik yang cukup menarik. Walaupun kini melangkah ke alaf baru, penyanyi itu tidak ketinggalan mengimbau kenangan kerjaya nyanyiannya yang sudah mencecah 15 tahun dengan lagu medley sepanjang 80-an.

Bermula dengan Pengemis Muda, Fikirkan Dahulu, Memori, Tua Sebelum Waktunya dan Hasrat Cinta, Sheila memulihkan kesegaran nostalgia. Vokalnya masih seperti dulu dan persembahannya semakin mantap.

Katanya, Dia adalah lagu kegemarannya dan setiap kali mengadakan persembahan, lagu ini pasti didendangkan. Seperti biasa Sheila gemar mengumpul beberapa lagu penyanyi kesukaannya dan kali ini dia memilih rangkaian lagu Diana Ross bermula Ain't No Mountain High Enough untuk menceriakan suasana.

Seterusnya, ibu dua anak ini melagukan Jelingan Manja, diikuti satu lagi medley lagu Dionne Warwick yang menguji kekuatan vokalnya. Tidak ketinggalan, dia menyelitkan lagu The Beatles, Fool On The Hill.

Lagu Ku Mohon yang menggondol Lagu Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik 2000 lalu, sungguh mengasyikkan. Sheila menunjukan lagu ini khas buat ibunya yang sedang dirawat di hospital.

Iringan piano Mac Chew benar-benar mengusik jiwa. Selain itu, Lewis Pragasam, Steve Thornton, Randy Bernsen, Christy Smith, Greg Lyons, Jan Mortensen dan John Bourque turut menghasilkan melodi indah sepanjang konsert itu.

Tiga penyanyi latar, Chandra Satria, Lucia Palupi dan Nidya R Kalangie, mengiringi persembahannya.

Sekali lagi Sheila mendendangkan rangkaian lagunya termasuk Legenda, Antara Anyir dan Jakarta dan Aku Cinta Padamu. Sebelum mengakhiri malam

gemilang itu, Sheila menyanyikan Warna dan Sinaran.

Bagi lebih 800 penonton yang memenuhi dewan itu untuk kedua-dua malam, pastinya mereka tidak akan melupakan kenangan manis bersama penghibur itu.

Diharapkan, selepas Sheila membuka tirai, lebih ramai lagi artis tempatan lain diberi peluang untuk beraksi di `dewan larangan' itu, termasuklah bersama orkestra yang sedia ada.

(END)